

BORANG G - **SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KEESAHAN**
DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PETENDER

Nama Kontraktor :

Alamat :
.....

Kepada : Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia
Ibu Pejabat JPS Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50626 Kuala Lumpur.

Tuan,

MAKLUMAT LATAR BELAKANG, KEWANGAN DAN TEKNIKAL PETENDER

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama dokumen tender kami semasa mengemukakan Tender ini untuk membolehkan pihak JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender, semasa penilaian Tender.
2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Tender ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu tender kami akan hanya dipertimbang untuk diperakurkan kepada Lembaga Tender untuk disetuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender mengikut penilaian JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN berdasarkan maklumat-maklumat dan dokumen - dokumen yang kami kemukakan.
3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen-dokumen yang diminta bersama-sama tender kami sebelum Tender ditutup dan maklumat-maklumat atau dokumen-dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambil kira dalam penilaian keupayaan kami.
4. Kami mengaku bahawa maklumat-maklumat dan data-data yang kami berikan bersama-sama ini di Borang A, B, BA, C, D, DA, E, F dan dokumen-dokumen yang kami sertakan bersamanya setahu kami adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan terhadap kami dan/atau tender kami, sekiranya mana-mana maklumat, data-data dan dokumen yang kami berikan itu didapati tidak benar atau palsu.

5. Kami juga mengambil maklum dan sedar bahawa Tender kami akan ditolak (disqualified) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan bersama-sama ini mana-mana maklumat dan/atau menyertakan mana-mana dokumen penting yang sangat diperlukan untuk membolehkan pihak JABATAN PENGAI'RAN DAN SALIRAN menilai keupayaan kami, terutamanya dokumen - dokumen berhubung dengan kedudukan kewangan dan prestasi kerja semasa kami seperti berikut :-
 - i) * Salinan Sah Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juru Audit yang bertauliah bagi tahun kewangan terakhir atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan sebelumnya untuk tender Gred G3, G4, G5 & G6. Manakala tender Gred G7 adalah tiga (3) tahun kewangan terakhir.
 - ii) Salinan Penyata Bulanan Bank Akaun Wang Dalam Tangan Petender bagi Tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Tender.
 - iii) Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kedudukan Kewangan Petender Atas Format seperti Borang BA dalam satu sampul berlakri.
 - iv) Laporan Penyelia Projek atas prestasi kerja semasa atas Borang DA dalam satu sampul berlakri bagi setiap kerja semasa yang sedang dilaksanakan.
6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana pegawai Kerajaan, Jurutera-jurutera projek, bank dan institusi kewangan lain dan lain-lain atau mana-mana orang atau firma yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh JABATAN PENGAI'RAN DAN SALIRAN untuk menyemak maklumat-maklumat yang kami berikan atau untuk mendapatkan maklumat tambahan. Walau- bagaimanapun kami tetap bertanggungjawab di atas maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.

Yang benar,

.....
(Tandatangan Petender)

Tarikh :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Atas Sifat :

Yang diberi kuasa dengan sempurnanya untuk menandatangani Tender ini untuk dan bagi pihak:

.....
(Saksi)

Tarikh :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Pekerjaan :

Alamat :

: